


emel 2/8/2012



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88803500
03-88803782

Faks : 03-88803886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JK/MP 16 Jld.5

Tarikh : of Ogos 2012

Semua Hakim Mahkamah Sesyen
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Semua Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Semua Pendaftar Kanan/ Pendaftar
Mahkamah Sesyen/Majistret
Seluruh Malaysia

YBhg Dato'/Datin/ Tuan/Puan,

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 3 TAHUN 2012
PELAKSANAAN PENGHAKIMAN
(WRIT PENYITAAN DAN PENJUALAN)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bagi meningkatkan sistem penyampaian Mahkamah, bahagian pelaksanaan di Mahkamah juga memainkan peranan penting dalam membantu memastikan kelicinan pentadbiran terutamanya memastikan pelaksanaan penghakiman dijalankan. Terdapat isu-isu berbangkit yang menyebabkan proses pelaksanaan tidak dapat dijalankan secara berkesan terutamanya pelaksanaan yang melibatkan Writ Penyitaan dan Penjualan.

3. Di dalam melaksanakan Writ Penyitaan dan Penjualan, telah dikenal pasti beberapa masalah yang mengganggu proses pelaksanaan tersebut iaitu antaranya ialah:

- (i) pemiutang penghakiman gagal membayar deposit yang ditetapkan mengikut **Pekeliling Ketua Pendaftar No 2 Tahun 2005**; dan
- (ii) pemiutang penghakiman atau wakilnya gagal hadir pada tarikh pelaksanaan yang ditetapkan.
- (iii) Kegagalan untuk mendapatkan pengawal keselamatan.

4. Merujuk kepada perkara 3(i) dan (ii) di atas, mahkamah hendaklah mengeluarkan satu Notis seperti di **Lampiran A1 dan Lampiran A2** masing-masing bagi Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah untuk memaklumkan kepada pemiutang penghakiman untuk membayar deposit yang telah ditetapkan **selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh pelaksanaan pertama yang ditetapkan oleh Mahkamah**. Di dalam Notis tersebut juga dimaklumkan bahawa pemiutang penghakiman atau wakilnya perlu hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan untuk pelaksanaan.

5. Bagi perkara 3(iii) di atas dan dengan merujuk perkara 3.4 **Pekeliling Ketua Pendaftar No 2 Tahun 2005**; pelantikan pengawal keselamatan juga boleh dikecualikan dengan kebenaran mahkamah atas alasan yang munasabah.

6. Kegagalan pemiutang penghakiman untuk membayar deposit atau kegagalan pemiutang penghakiman atau wakilnya untuk hadir pada masa yang ditetapkan untuk pelaksanaan akan menyebabkan Writ Penyitaan dan Penjualan dibatalkan.

Arahan Amalan ini adalah berkuat kuasa mulai 10 Ogos 2012.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

s.k

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No. 45, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

YA Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
SARAWAK

Pengarah
Mahkamah Negeri
Seluruh Malaysia



Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pengerusi
Majlis Peguam Malaysia
No. 13, 15 & 17
Leboh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR

Pengerusi
Persatuan Undang-Undang Sabah
Tingkat 3, 120 Gaya Street
88000 Kota Kinabalu
SABAH

Pengerusi
Persatuan Peguam Sarawak
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching
Jalan Gersik, Petrajaya, 93050 Kuching
SARAWAK

Alamat Mahkamah

Ruj Tuan:...

Ruj Kami:...

Tarikh:...

Alamat Peguam Pemiutang Penghakiman

Tuan,

DALAM MAHKAMAH TINGGI DI.....

WRIT PENYITAAN DAN PENJUALAN NO:...

XXX

...Pemiutang Penghakiman

dan

XXX

...Penghutang Penghakiman

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pelaksanaan Writ Penyitaan dan Penjualan yang dinyatakan di atas ditetapkan pada(tarikh) jam.....pagi/petang.

3. Bahawa pihak tuan dikehendaki membayar deposit sebanyak RM2,000.00 berupa bank draf atas nama Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi(negeri) **selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh pelaksanaan yang ditetapkan oleh mahkamah.**

4. Sila hantarkan deposit tersebut ke Bahagian Pelaksanaan (Bailif) dan hendaklah membayar Praecipe sebanyak RM () dan sebarang surat menyurat hendaklah menggunakan No. A/E yang telah diberikan serta catatkan Kod Peguam/Kod Firma atau No. Kad Pengenalan.

5. Pihak tuan boleh memilih pengawal keselamatan sendiri dan bayaran yang dibenarkan oleh mahkamah ialah tidak melebihi RM96.00 sehari. Pihak tuan dikehendaki memaklumkan kepada mahkamah jumlah anggota pengawal keselamatan yang dilantik.

6. Kegagalan tuan untuk mematuhi para 2 atau 3 di atas akan menyebabkan Writ Penyitaan dan Penjualan **akan dibatalkan.**

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(t.t)

NAMA

Timbalan Pendaftar

Mahkamah Tinggi (Negeri)

Alamat Mahkamah

Alamat Mahkamah

Ruj Tuan:...

Ruj Kami:...

Tarikh:...

Alamat Peguam Pemiutang Penghakiman

Tuan,

DALAM MAHKAMAH SESYEN/MAJISTRET DI.....

WRIT PENYITAAN DAN PENJUALAN NO:...

XXX

...Pemiutang Penghakiman

dan

XXX

...Penghutang Penghakiman

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pelaksanaan Writ Penyitaan dan Penjualan yang dinyatakan di atas ditetapkan **pada(tarikh) jam.....pagi/petang.**

3. Bahawa pihak tuan dikehendaki membayar deposit sebanyak RM1,000.00 berupa bank draf atas nama Pendaftar Mahkamah Rendah(daerah/negeri) **selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh pelaksanaan pertama yang ditetapkan oleh mahkamah.**

4. Sila hantarkan deposit tersebut ke Bahagian Pelaksanaan (Bailif) dan hendaklah membayar Praecipie sebanyak RM () dan sebarang surat menyurat

hendaklah menggunakan No. A/E yang telah diberikan serta catatkan Kod Peguam/Kod Firma atau No. Kad Pengenalan.

5. Pihak tuan boleh memilih pengawal keselamatan sendiri dan bayaran yang dibenarkan oleh mahkamah ialah tidak melebihi RM96.00 sehari. Pihak tuan dikehendaki memaklumkan kepada mahkamah jumlah anggota pengawal keselamatan yang dilantik.

6. Kegagalan tuan untuk mematuhi para 2 atau 3 di atas akan menyebabkan Writ Penyitaan dan Penjualan **akan dibatalkan.**

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(t.t)

NAMA

Pendaftar

Mahkamah Rendah(Negeri)